

25/10/1999

Wanita Umno perlu tegas beri penjelasan kepada pengundi

SUNGAI PETANI, Ahad - Jentera Pergerakan Wanita Umno tidak boleh lagi berlembut dalam memberikan penjelasan politik semasa kepada pengundi, sebaliknya harus tegas, terutama terhadap pengundi yang mencabar Wanita Umno.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, wanita harus bertegas berikutan tindakan jentera parti pembangkang yang secara agresif dan liar menyerang Barisan Nasional (BN), termasuk peribadi pemimpin, terutama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah yang juga bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata, waktu untuk berlembut dan memujuk pengundi tidak boleh digunakan lagi kerana setiap persoalan yang mencabar Wanita harus disahut dengan penjelasan tegas.

Menurutnya, dengan penjelasan isu politik semasa secara tegas, kekeliruan pengundi atas pagar kerana pelbagai dakyah dan fitnah parti pembangkang mampu diatasi, sekali gus memastikan mereka mengundi BN.

"Bagi saya, menggunakan strategi lembut, mesra bukan masanya lagi kerana pembangkang liar dengan fitnah serta tuduhan.

"Maka jentera Wanita wajar bersedia dengan semua jawapan, penerangan dan menyampaikannya dengan tegas dan berkeyakinan.

"Tak boleh lagi orang tampar pipi kanan, kita sua (beri) pipi kiri. Bukan begitu caranya," katanya selepas merasmikan Kursus Perayu Undi Wanita BN Bahagian Sungai Petani, di sini hari ini.

Ditanya sama ada Wanita perayu undi juga harus menggunakan kaedah berkenaan, Rafidah berkata:

"Merayu ini ertinya tolonglah kami, undilah kami. Bila kita rayu undi, kita kena beri alasan mengapa. Ada keadaan mereka mencabar kita. Mereka kata kerajaan macam ini, kerajaan macam itu, kita boleh jawab.

"Kalau dia (pengundi) salah tafsir apa kita buat, kita kena jelaskan. Dengan sendirinya dia akan berfikir kerana yang benar itu benar.

"Kita tak mahu keadaan kalau kita tak beri penjelasan, dia tersalah mengundi. Selepas mengundi, dia tahu keadaan sebenar dan menyesal, kita yang bersalah."

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pada 11 Oktober lalu, dilaporkan berkata jentera pilihan raya Wanita menggunakan kaedah halus di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, Wanita akan melancarkan Operasi Gerak Mesra di semua kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Selangor bagi memantapkan pergerakan itu menghadapi pilihan raya umum nanti.

(END)